

# **Analisis Syariah Terhadap Caj Upah dalam Skim Pembiayaan Mikro Berasaskan *al-Rahnu***

Nik Abdul Rahim bin Nik Abdul Ghani & Azlin Alisa Ahmad  
Faculty of Islamic Studies, UKM  
nikrahim@ukm.edu.my

## **Abstrak**

Skim kemudahan pembiayaan mikro berasaskan al-rahnu merupakan skim popular di Malaysia. Ia menjadi satu alternatif penting kepada fasiliti kredit mikro konvensional. Namun dari segi aplikasi semasa, beberapa isu syariah masih lagi diperdebatkan terutamanya berkaitan isu pengenaan caj upah simpan barang gadaian. Ia dikaitkan dengan isu riba kerana melihat kepada objektif upah seolah-olah mendapatkan keuntungan daripada hutang yang diberikan. Kertas kerja ini akan mengutarakan beberapa isu syariah yang muncul hasil daripada aplikasi arrahnu dalam bentuk sekarang secara ringkas. Di samping itu, beberapa hujah dan dalil dikaitkan dalam perbincangan secara ringkas dan padat.

**Kata kunci:** Rahnu; *Ujrah*; Upah; Caj

## **Pengenalan**

*Rahn* ialah satu kontrak dan instrumen muamalat yang sangat popular. Pada asalnya, ia merupakan alat yang sangat penting dalam institusi kewangan seperti perbankan Islam sebagai kaedah mengurus risiko kemungkiran pelanggan. Pihak bank boleh menggunakan *rahn* (cagaran) untuk memulihkan hutang yang tidak dilangsaikan. Selain itu, prinsip ini juga telah diamalkan sebagai satu skim pembiayaan. Ia dinamakan skim arrahnu khususnya dalam produk pembiayaan mikro kredit. Aplikasinya melibatkan prinsip *qard*, *rahn* dan *ujrah* di samping *wadi'ah yad damanah*. Namun perlaksanaannya berasaskan struktur sedia ada menimbulkan beberapa isu Syariah khususnya dalam aspek pengenaan caj upah dalam kes penjagaan aset cagaran. Artikel ini akan mengupas secara ringkas isu-isu yang muncul hasil aplikasi caj upah daripada nilai aset cagaran (*marhun*).

## **Skim pembiayaan berasaskan al-Rahnu**

Perantaraan kewangan merupakan komponen penting dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi. Ini kerana perantara kewangan memudahkan aliran modal kepada sektor perindustrian sama ada berskala kecil, sederhana atau besar. Bagi sektor perindustrian kecil atau sederhana, institusi pajak gadaian menjadi salah satu medium pembiayaan yang menyalurkan aliran modal kepada masyarakat khususnya kumpulan berpendapatan rendah (<RM500) dan golongan kurang berpendapatan rendah. Mereka biasanya tidak mempunyai akses kepada pasaran kewangan yang formal (Maamor & Ismail 2007).

Sistem pajak gadai di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu sistem Islam dan konvensional. Bagi sistem Islam ia dikenali sebagai skim arrahnu. Sistem pajak gadai Islam mula muncul pada awal 1990-an yang dibangunkan oleh institusi seperti Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, kerajaan negeri, bank koperasi (Bank Rakyat), Permodalan Kelantan Bhd dan Muassasah Gadaian Islam Terengganu. Kewujudan institusi ini memberikan alternatif kepada umat Islam di seluruh negara untuk mendapatkan pembiayaan berasaskan kontrak yang dibenarkan dalam Islam.

### **Operasi pelaksanaan skim Arrahnu**

Dalam konteks amalan semasa, sistem pajak gadai Islam terbentuk apabila seseorang memerlukan kepada kredit atau hutang bagi memenuhi keperluannya. Maka dia boleh menggadaikan hartanya untuk memperolehi hutang tersebut. Harta yang digadai kepada kedai arrahnu akan dianggap sebagai jaminan kepada hutang yang diperolehi. Sekiranya penghutang tidak mampu melunaskan hutang, maka pemilik hak boleh menyempurnakan haknya melalui barang gadaian. Ini menunjukkan bahawa hutang terbentuk setelah pihak yang berhajat membawa barang gadaian. Amalan semasa dalam institusi pajak gadai Islam bukanlah suatu yang asing dalam perbendaharaan fiqah Islam. Ia telah wujud dalam perbahasan ulama dalam karya masing-masing.


Dalam hal ini, Ibn Qudamah (1985), seorang tokoh fiqah yang terkenal telah menghurai panjang konsep amalan arrahnu. Beliau merumuskan bahawa sistem arrahnu dalam Islam ada tiga bentuk.

i. Arrahnu terbentuk selepas wujudnya sesuatu hak (hutang), di mana bentuk ini sah secara ijmak ulama. Ini kerana hutang yang telah sabit menimbulkan keperluan untuk mewujudkan jaminan (*wathiqah*) terhadap hak hutang tersebut. Katakan, A telah berhutang daripada B sebanyak RM1000, kemudian para keesokan harinya, B meminta satu cagaran bagi menjamin hutang tersebut).

ii. Arrahnu terbentuk sekaligus beserta hutang (*dayn*) sama ada dalam kontrak *qard* atau jual beli. Contohnya, penjual A berkata: "Aku jualkan baju ini dengan harga RM100 dalam tempoh sebulan dengan syarat kamu mencagarkan buku tersebut kepadaku". Pembeli berkata: Aku bersetuju. Bentuk ini sah menurut mazhab Malik, al-Shafie dan Hanafiyyah kerana hajah (keperluan) mendesak kepada kontrak ini.

iii. Arrahnu dibentuk terlebih dahulu bagi mewujudkan hutang. Contohnya seseorang (yang memerlukan duit) berkata: Aku cagarkan bajuku ini untuk mendapatkan RM100 qard (pinjaman) daripada kamu. Bentuk ini juga dianggap sebagai jaminan atau ikatan (*wathiqah*) kepada hak hutang dan ia diharuskan sebagaimana disebut oleh mazhab Malik dan Hanafi (Ibn Qudamah 1985). Bentuk ketiga adalah menjadi kebiasaan amalan sistem pajak gadai Islam hari ini. Sistem pajak gadai Islam hari ini yang memberi kemudahan hutang kepada masyarakat diharuskan berdasarkan dalil istihsan sebagai memenuhi keperluan manusia (Al-Zuhayli 2002).

Namun, dari segi operasi sistem skim arrahnu sebagai fasiliti mikro kredit, ia distruktur berdasarkan kepada kombinasi empat akad syariah iaitu *wadi'ah yad damanah*, *ujrah*, *qard* dan *rahn*. Untuk memudahkan pemahaman carta alir di bawah menjelaskan pelaksanaan skim tersebut:



Keterangan:

1. Pelanggan memohon pembiayaan mikro kredit di institusi rahnu
2. Institusi memberi pinjaman (qard) kepada pelanggan
3. Pelanggan menggadai emas berdasarkan prinsip *al-rahnu*
4. Institusi rahnu menjaga emas melalui perkhidmatan *storage* dengan jaminan perlindungan risiko berdasarkan prinsip *wadi'ah yad damanah*
5. Selepas tamat tempoh matang, pelanggan membayar semua hutang dan kos caj upah penyimpanan
6. Institusi rahnu mengembalikan emas yang dicagar

Sekiranya pelanggan gagal menunaikan obligasi hutangnya selepas tempoh matang, institusi pajak gadai Islam akan menjalankan lelongan emas tersebut. Segala hasil daripada lelongan akan digunakan untuk menyelesaikan hutang pinjaman, upah simpan dan kos-kos pentadbiran sebenar yang ditanggung oleh institusi. Namun jika wujud lebihan (surplus), ia akan dipulangkan kepada pelanggan (Fairooz et al. 2013).

### Analisis isu caj upah menurut Syariah

Menurut Syariah, aset bernilai boleh dijadikan sebagai cagaran. Melalui skim arrahnu yang diaplikasikan di Malaysia, kebiasaannya aset yang dijadikan sebagai cagaran/gadaian ialah emas sama ada skim arrahnu di institusi perbankan atau bukan bank. Berdasarkan kepada praktis sekarang, aset (emas) yang dijadikan cagaran diletakkan penjagaannya kepada institusi penyedia fasiliti. Institusi berkenaan berhak mengenakan caj upah simpan.

Kebiasaannya, fi atau upah yang dikenakan berbeza mengikut nilai emas yang digadai (marhun) dan bukan berasaskan kepada pinjaman. Ini bermakna, sekiranya nilai marhun tinggi, maka caj upah simpan juga akan tinggi. Ini menunjukkan caj upah sebenarnya tidak mencerminkan kos

sebenarnya khidmat penyimpanan. Selain itu, menurut Fairouz et al. (2013), margin pembiayaan yang diberikan juga berbeza antara institusi mengikut nilai emas yang digadai (marhun). Fairouz et al. (2013) merumuskan bahawa pengenaan caj oleh pihak institusi adalah kerana sebab perkhidmatan atau servis penyimpanan yang berasaskan kepada prinsip *wadi'ah yad damanah*. Perkara yang sama telah dinyatakan sebelum ini oleh Shamsiah Mohamad & Safinar Salleh (2008).

Berdasarkan kepada modus operandi yang dijalankan, maka ia mencetuskan beberapa isu Syariah khususnya disebabkan oleh aplikasi caj upah ke atas wadi'ah yad damanah seperti berikut:

a. Isu Kadar Caj Penyimpanan

Ini menjadi isu yang besar dan utama kerana caj tersebut dihubungkan secara langsung dengan nilai aset marhun. Pengenaan isu caj penyimpanan ini telah dianggap sebahagian menyamai isu riba. Ini kerana tiada justifikasi yang jelas mengenai kadar upah yang dikenakan oleh institusi tersebut. Ini kerana cara dan kaedah penyimpanan adalah sama sahaja, tetapi caj tersebut dikira berdasarkan nilai aset marhun. Adakah kadar upah sebenarnya berasaskan bentuk peti simpanan (*storage box*)? Isu ini dianggap mempunyai kaitan dengan riba kerana elemen qard yang wujud dalam rahnu menunjukkan kontrak asal yang dibentuk ialah tabarru'. Maka tidak seharusnya pengenaan sebarang caj oleh pemegang gadai. Pengenaan kadar tersebut dengan cara mengaitkannya dengan nilai marhun menguatkan lagi unsur persamaan caj tersebut dengan riba (Bahari et al. 2017).

b. Isu Upah dan Perkaitan dengan Bay wa Salaf

Dalam skim arrahnu, pengeluaran tunai yang dipinjam (cash disbursement) akan dilakukan oleh institusi arrahnu apabila pelanggan meletakkan barangan berharga (kebiasaannya emas) sebagai cagaran/gadaian bagi pinjaman tersebut. Oleh kerana struktur yang diamalkan mengandungi elemen caj upah/fi yang ditakyifkan sebagai ujrah (upah) maka ia mencetuskan isu bay wa salaf.

Ini kerana ujrah terbit daripada kontrak ijarah, yang juga dianggap salah satu bentuk jual beli (bay) kerana ia merupakan bay al-manfa'ah. Maka seolah-olahnya kontrak tersebut mengandungi elemen persyaratan (ishtirat) satu kontrak bay<sup>c</sup> (jual beli) dalam kontrak pinjaman. Ini boleh termasuk dalam larangan bay<sup>c</sup> wa salaf iaitu jual beli yang digabungkan dengan pinjaman.

Dalam hadis Nabi saw bersabda:

لا يحل سلف وبيع

Maksudnya: "Tidak halal pinjaman yang dikombinasikan dengan jual beli". (Abu Dawud 2009)

Hadis ini menunjukkan pengharaman kombinasi antara qard dan jual beli dalam satu akad dan menunjukkan haram persyaratan (ishtirāt) akad jual beli dalam qard (Al-Imrani 1427).

c. Isu dharī'ah kepada pertambahan dalam qard

Isu seterusnya yang mungkin tercetus ialah rentetan daripada persyaratan kontrak bay dalam qard. Ia membawa kepada pertambahan dalam nilai pokok qard (pinjaman). Ia kerana pemberi pinjaman (institusi) akan mengambil peluang menambah nilai atau kadar caj upah tersebut. Maka

ia membentuk hukum qard (pinjaman) yang membawa kepada manfaat. Dharī'ah seperti ini hendaklah disekat dan dihalang dalam Syariah.

Ibn al-Qayyim (1991) menyebut bahawa Nabi saw melarang kombinasi pinjaman dan jual beli kerana perkaitan atau kombinasi ini merupakan satu jalan yang membawa kepada mendapat untung dalam pinjaman, di mana pemberi pinjaman akan mendapat lebih banyak daripada pinjamana yang diberi. Malahan wasilah kepada hal demikian (kepada riba) boleh berlaku dengan jual beli atau ijarah sepertimana yang jelas (Al-Imrani 1427).

## Kesimpulan

Kebanyakan produk kewangan Islam berkembang mengikut peredaran masa dan juga keperluan masyarakat. Hari ini prinsip *al-rahn*, yang pada asalnya merupakan kontrak bertujuan menjamin dan mengikat (*wathiqah*), telah dipopularkan sebagai produk pembiayaan mikro kredit. Namun hakikat sebenarnya, pembiayaan tersebut datang dari elemen *qard* yang wujud dalam kombinasi struktur tersebut. Oleh kerana terdapat elemen caj upah pada penjagaan barangan *rahn* (*marhun*), maka ia telah mencetuskan beberapa isu syariah dari aspek pelaksanaannya. Walaubagaimanapun, isu-isu tersebut masih dalam ruang lingkup ijtihad yang boleh diberi *tasamuh* (tolak ansur) selagi tidak wujud unsur yang jelas niat pelaku ialah menghalalkan perkara yang haram. Penambahbaikan daripada semasa ke semasa amat dialu-alukan dan pihak institusi wajar membuat kajian dan pembangunan terhadap produk bagi meningkatkan keyakinan dan reputasi mereka di kalangan masyarakat.

## Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

Abu Dawud. 2009. *Sunan Abi Dawūd*. Beirut: Dār al-Risālah al-ʿĀlamīyyah.

Al-Imrani, Abdullah bin Muhammad. 1427. *Al-Manfa'ah Fi Al-Qard Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyyah*. Riyad: Dar Ibn al-Jawzi.

Al-Qayyim, Muhammad bin Abi Bakr Ibn. 1991. *I'lam Al-Muwaqqi'in an Rabb Al-'alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Zuhaylī, Wahbah. 2002. 2 *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence*. Damascus: Dar al-Fikr.

Bahari, Norfadilah, Ahmad, Nurul Wajhi, Shahar, Wan Shahdila Shah, & Ahmad, Khairul Anwar. 2017. Analisis kadar upah di institusi ar – rahnu. Dlm. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*, hlm. 434–43.

Fairooz, Mohamed, Khir, Abdul, Badri, Mohd Bahroddin, Hussain, Lokmanulhakim, Fairooz, Mohamed, Khir, Abdul, & Bahroddin, Mohd. 2013. Critical appraisal of rahn-based islamic microcredit facility from shari'ah perspective. *Advances in Natural and Applied Sciences*

7(3):221–31.

Ibn Qudamah. 1985. *Al-Mughni*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.

Maamor, Selamah, & Ismail, Abdul Ghafar. 2007. The ar-rahnu efficiency and its determinants. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* Volume-6:105–26.

Shamsiah Mohamad, & Safinar Salleh. 2008. Upah simpan barang dalam skim ar-rahnu: satu penilaian semula. *Jurnal Fiqh* 5:47–65. <http://myais.fsktm.um.edu.my/8000/>.